

Setpol MB Kedah nafi terima rasuah RM1.3 juta
Malaysian Insider
24 Julai, 2012

KUALA LUMPUR, 24 Julai — Setiausaha Politik kepada Menteri Besar Kedah, Muhammad Sanusi Md Nor menafikan laporan blog pro-Umno yang mengaitkan dirinya dengan rasuah bernilai RM1.3 juta.

Dakwaan itu adalah fitnah semata-mata dan Muhammad Sanusi enggan melayan apa yang didakwa sebagai propaganda murahan oleh beberapa blog tempatan yang ingin mencari publisiti.

"Saya didakwa berada dalam lokap Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) Kedah petang kelmarin, sedangkan ketika itu, saya hadir pada program Menteri Besar (MB) menyampaikan sumbangan Ramadan di Masjid Alor Semela, Jalan Datuk Kumbang," katanya, seperti yang dilaporkan oleh akhbar Sinar Harian.

Muhammad Sanusi menyifatkan ini adalah diantara usaha untuk mengheret pemimpin PAS agar terjatuh dalam perangkap musuh politik, terutama menjelang kehangatan Pilihan Raya Umum (PRU) ke-13 tidak lama lagi.

"Sepatutnya pihak yang sebarkan fitnah itu hormati bulan Ramadan.

"Saya tahu siapa dalang di sebalik cerita tidak berasas itu, dan tidak berhasrat mengambil apa-apa tindakan.

"Namun sekiranya ianya berterusan, saya tidak menolak kemungkinan menggunakan saluran perundangan," katanya.

Beliau hanya mengetahui mengenai fitnah itu apabila dihubungi seorang rakan bertanyakan perkara itu, namun mengambil sikap berdiam diri selagi ianya tidak menjejaskan nama baiknya.

"Mungkin ada pihak yang tidak senang dengan keakraban saya dengan MB selaku Setiausaha Politik, dan mahu jatuhkan kredibiliti saya.

Mungkin juga ia antara agenda mahu calarkan imej MB dengan membuat serangan peribadi terhadap saya terlebih dahulu," katanya.

Muhammad Sanusi berkata, pihaknya menyifatkan penyebaran fitnah itu sebagai usaha pihak tertentu untuk menimbulkan persepsi negatif terhadap pemimpin PAS Kedah.

Sejak 2 petang kelmarin, beberapa blog pro - Umno dilihat mencanang dakwaan konon Muhammad Sanusi sudah ditahan dalam lokap SPRM atas tuduhan rasuah bernilai lebih RM1.3 juta.

Laporan blog berkenaan turut mengaitkan sasaran seterusnya adalah Pegawai Kewangan Negeri Kedah, yang juga sepupu kepada MB, Datuk Mohd Puat Mohd Ali.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/setpol-mb-kedah-nafi-terima-rasuah-rm1.3-juta/>

